

'Kerajaan tidak akan teragak2 bertindak'

Mahathir ingatkan majikan2

KUALA LUMPUR, Isnin — Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap majikan-majikan yang cuba menggunakan Undang-undang Buruh yang baru diluluskan oleh Parlimen, ke atas para pekerja mereka.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang membuat amaran demikian menegaskan:

Saya suka memberi amaran dari saat ini juga bahawa Kerajaan tidak akan bertolak ansur ke atas sebarang majikan yang berbuat begitu dengan memikirkan undang-undang itu adalah untuk kebajikan mereka sahaja."

Bercakap kepada para pemberita di pengkalan TUDM, Sungai Besi, di sini sebelum berlepas ke Singapura kerana menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi Asean, beliau menambah:

"Kerajaan tidak akan teragak-agak mengenakan tindakan keras sekiranya ia mendapati ada majikan yang bersikap tidak adil ataupun tidak mahu menggunakan undang-undang itu berhubung dengan hak-hak pekerja."

Datuk Seri Dr. Mahathir menekankan undang-undang itu yang masih menunggu kelulusan Yang Di Pertuan Agong, dirumuskan dengan tujuan untuk menjamin hubungan perindustrian yang baik di negara ini.

"Undang-undang itu bukanlah bertujuan untuk majikan-majikan mengambil kesempatan dengan mengeneplkan hak-hak pekerja tapi mestilah ada layanan yang adil dari segi rundingan mengenai skim perkhidmatan dan gaji," ujarnya.

Sokong

Menyokong kenyataan Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah di Kuala Kangsar, semalam yang menyatakan bahawa Kerajaan tidak perlu menunggu kesatuan-kesatuan sekerja bagi menjaga kepentingan pekerja dan kebajikan mereka, Timbalan Perdana Menteri berkata:

"Jika ada majikan yang tidak bersikap adil dalam perkara ini, Kerajaan tidak akan berlengah-lengah lagi mengambil tindakan tegas ke atas mereka."

"Saya harap tidak ada sesiapa lagi akan mengatakan kemudian bahawa mereka tidak dinasihati dan ini adalah amaran Kerajaan bahawa kita tidak bertolak ansur ke atas tindakan yang tidak saksama oleh sesiapa sahaja."

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia